



## Pendahuluan

الحمد لله ربّ العالمين. والصلاة والسلام على خاتم الأنبياء و المرسلين و على آله الاطهار و اصحابه الاخيرار و اتباعه الابرار

و بعد,

Status sebagai seorang pelajar yang masih jahil dalam segenap segi tidak melayakkan saya menulis suatu “muqaddimah” untuk himpunan kertas kerja yang akan dibentangkan dalam program ini. Namun sebagai memenuhi permintaan sahabat dan bertasyabbuh dengan sifat para ulama yang tidak bakhil apabila diminta sesuatu, maka saya dengan penuh kekurangan mempersembahkan “muqaddimah” ini kepada teman-teman saya semua. Lalu saya bahagikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian pertama yang umum dan bahagian kedua yang khusus berkaitan pengenalan ulum syariah.

## **Bahagian Pertama**

### Agama dan Profesion

Diantara ketinggian dan kemuliaan agama Islam ini ialah kesempurnaan syariahnya dalam mengatur kehidupan manusia dari segenap aspek dalam kehidupan.

**اليوم اكملت لكم دينكم و اتممت عليكم نعمتي و رضيت لكم الاسلام ديناً<sup>1</sup>**

*Pada hari ini telah telah Aku sempurnakan bagi kamu agama kamu dan telah Aku cukupkan bagi kamu nikmatKu dan Aku telah Redha bagi kamu Islam sebagai agama kamu.*

Dalam hal ini, bidang perubatan dan kesihatan tidak pernah dikecualikan melainkan diberi perhatian yang khusus oleh Syariah Islamiyah. Oleh sebab itu, jika ditelaah kitab-kitab feqh islami, maka kita akan menemui banyak hukum-hakam yang berkaitan dengan perubatan dibincangkan dengan begitu terperinci oleh ulama-ulama feqh. Sebagai misal ialah hukum solat bagi individu yang mengalami masalah *incontinent* yang mana dia sentiasa menanggung najis, sedangkan syarat sah solat ialah suci dari hadas.

Maka para ulama **رحمة الله عليهم** telah berusaha untuk mengeluarkan hukum-hakam dalam setiap perkara dengan berlandaskan dalil-dalil syarie lalu dinamakan ilmu itu (untuk mengeluarkan hukum itu) sebagai **usul feqh** lalu hukum hakam yang dikeluarkan itu dikenali sebagai **feqh islami**. Setelah itu hukum-hakam yang disepakati itu telah disimpulkan dan diringkaskan dalam kaedah-kaedah yang kemudian diistilah sebagai **kaedah-kaedah usul** (bagi usul feqh) dan **kaedah-kaedah feqhiah** (bagi feqh islami). Dan apa yang disebutkan dalam perenggan ini semuanya adalah tajuk-tajuk perbahasan dalam **syariah islamiah** yang sempurna.

Maka tanggungjawab sebagai seorang **doktor** atau **jururawat** adalah memberi rawatan terhadap pesakit namun tanggungjawab seorang **doktor muslim** tidak terhenti disitu kerana ada tanggungjawab yang lebih besar yang perlu dipikulnya iaitu

---

<sup>1</sup> Surah Al-Maidah ayat 3

tanggungjawab menzahirkan bahawa kami doktor muslim dengan mempraktikkan syariah islamiah itu dalam kehidupannya dan seterusnya mengajak manusia kepada kebaikan.

Sekiranya kita dihadapkan dengan seorang pesakit yang merupakan penagih dadah yang bergelumbang dengan dosa dan berada di ambang maut, maka tanggungjawab kita sebagai doktor mungkin berakhir setelah segala bentuk rawatan yang patut diberikan telah kita tunaikan. Namun bagaimana tanggungjawab kita sebagai seorang muslim? Adakah akhlak seorang doktor muslim berkata dalam hatinya “*Memang patut pesakit ini mendapat penyakit kerana dia seorang penagih dan mengapa perlu bersedih jika kematiannya seperti keldai yang hina*”.

Ketahuiilah bahawa Allah menghadapkan kita dengan penagih itu bukan untuk dicemuh dan dihina perlakuannya namun dihadapkan kepada seorang doktor muslim seperti kita semua kelak untuk menginsafkan mereka sebelum menghadap Ilahi. Diantara tugas seorang muslim ketika nazak saudaranya ialah mentalqinkan di telinga saudaranya kalimah Tauhid<sup>1</sup> selain mengajak dia bertaubat dan memberikan harapan bahawa Allah Maha Pengampun dan Penyayang. Dalam sebuah hadith bahawa Rasulullah ﷺ berkata:

مَنْ كَانَ آخِرُ كَلِمَةٍ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ

*Barangsiapa yang akhir kalamnya (sebelum meninggal dunia) لا اله الا الله maka dia akan masuk ke dalam Jannah.*<sup>2</sup> (iaitu **meninggal dalam keadaan mukmin**)

Dan perbuatan mentalqin itu adalah sebahagian daripada syariah islamiah yang sempurna.

Begitu jua ketika saat menerima kelahiran seorang insan kedunia<sup>3</sup>. Berapa ramai antara kita yang menyambut bayi itu dengan laungan kalimat syahadah agar kalimat pertama yang didengarinya ialah “Tiada Tuhan melainkan Allah” (biarpun dalam keadaan berbisik kerana bayi itu anak kepada orang kafir). Ketahuiilah bahawa yang memberikan hidayah itu ialah Allah dan kita semua tidak tahu barangkali berkat laungan syahadah yang kita bisikkan ke telinga bayi itu adalah sebab kepada hidayah Allah kepadanya ketika dewasa. Sekiranya bayi kepada orang kafir sendiri kita disuruh mentalqinkannya, apatah lagi seorang bayi muslim. Menjadi tanggungjawab kita malah menjadi harapan peribadi saya kepada para doktor muslim agar setiap bayi muslim yang dilahirkan kedunia ini disambut dengan kalimah لا اله الا الله oleh para doktor dan jururawat yang mengelilinginya sebaik sahaja dilahirkan sebelum dibersihkan untuk diazan dan diiqamah kan oleh bapanya<sup>4</sup>. Ini juga sebahagian daripada syariah islamiah yang sempurna memelihara manusia sejak awal detik lahirnya kedunia hingga akhir nafasnya.

Sesungguhnya gelaran Dr. yang diberikan kepada kita kelak bukan suatu kemuliaan (**تشریف**) kerana penat lelah kita belajar dan untuk membezakan kita dengan orang lain namun gelaran itu ialah suatu bebanan (**تکلیف**) terhadap peranan yang perlu kita mainkan sebagai doktor muslim. Matlamat seorang doktor muslim bukan terhadap kepada merawat pesakitnya namun sekaligus mengajak mereka kepada

<sup>1</sup> حاشية البيجوري على فتح القريب في فصل العقيدة والادكار للامام النووي

<sup>2</sup> Driwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Imam Al-Hakim. Berkata Imam Al-Hakim bahawa sanadnya Shohih.

<sup>3</sup> Imam Ibn Qayyim telah mengarang sebuah kitab “تحفة المورود للاحكام المولود” yang membahaskan tentang hukum syariah berkaitan kelahiran anak. Dan Syeikh Abdullah Nasih Ulwan juga menyentuh bab kelahiran ini dalam kitabnya “تربية الاولاد” yang telah diterjemahkan.

<sup>4</sup> حاشية البيجوري على فتح القريب في فصل العقيدة

kebaikan dan beriltizam dengan Islam apabila sembuh. Ini merupakan antara khususiah (keistimewaan) syariah islamiah yang bukan sahaja merangkumi aspek larangan (النهي) seperti undang-undang manusia namun syariah islamiah mendidik juga merangkumi satu lagi aspek iaitu menyuruh kepada kebaikan (الامر بالمعروف)<sup>1</sup>.

Sesungguhnya penderitaan seorang insan yang fasiq itu rahmat Allah kepadanya kerana penyakit memeliharanya daripada maksiat selain penebus dosa. Sedangkan kesihatan adalah istidraj agar terus lalai. Manakala kesihatan seorang mukmin adalah rahmat baginya agar dapat berbuat taat dan penyakit yang menyimpannya jua rahmat Allah kepadanya agar tergolong dalam hamba-hambanya yang bersabar. Sesungguhnya rahmat Allah itu sentiasa memayungi orang mukmin.

Ada kaedah umum mengatakan “ فَاَقْدُ الشَّيْءَ لَا يُعْطِيهِ ” ( orang yang tidak mempunyai apa-apa tidak boleh memberi). Seorang yang miskin tidak boleh memberi wang pada orang yang miskin. Seorang yang jahil tidak boleh mengajarkan ilmu kepada yang jahil. Seorang muslim yang tidak mengetahui syariah islamiah tidak boleh mezhahirkan kesempurnaan syariah itu pada orang bukan muslim.

Untuk tujuan yang murni ini iaitu menzahirkan syariah islamiah kepada masyarakat, maka kita perlu mengetahui syariah itu terlebih dahulu kerana beramal tanpa ilmu tidak diterima disisi Allah. Langkah yang pertama sekali sebelum menuntut ilmu itu ialah membetulkan niat kita iaitu kita menuntut ilmu perubatan ini secara khusus dan syariah secara umum untuk menjadi seorang doktor muslim yang berkhidmat untuk umat Islam. Sekiranya kita ditaqdirkan untuk berkhidmat kepada orang kafir, maka jadikannya sebagai wasilah untuk mendakwah mereka kepada Islam. Sesungguhnya *tashih* (membetulkan) niat di awal perjalanan adalah tanda kepada murninya matlamat.

### Doktor Muslim

Ketahuiilah bahawa kita semua ditaklifkan sebagai seorang muslim sejak akil baligh sebelum kita ditaklifkan sebagai seorang doktor atau pelajar perubatan. Peringkat umur sebelum baligh ialah peringkat taklim (pembelajaran) untuk mempelajari syariah<sup>2</sup>, sepertimana kita berada dalam peringkat taklim di kuliah perubatan untuk mempelajari ilmu perubatan. Manakala selepas baligh, kita semua ditaklif dengan hukum syariah sebagaimana kita ditaklif dengan tanggungjawab seorang doktor apabila tamat pengajian. Taklif seorang muslim hanya berakhir setelah ruh terpisah dengan jasad manakala taklif seorang doktor mungkin berakhir setelah tamat perkhidmatannya. **Oleh itu, seorang doktor muslim perlu menjadi seorang Muslim sebelum menjadi seorang Doktor** kerana mulianya gelaran Muslim disisi Allah berbanding dengan gelaran doktor. Namun jika kedua-duanya berjalan seiring, maka pastinya kemuliaan itu bertambah.

Sebagai seorang doktor muslim, identiti yang membezakan kita dengan doktor-doktor yang lain terletak pada 3 perkara yang merupakan rukun pada agama iaitu **Iman, Islam dan Ihsan**.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> المدخل الى دراسة المذاهب الفقهية للشيخ د. علي جمعة

<sup>2</sup> Sebagaimana dalam hadith yang menganjurkan agar kanak-kanak diajarkan solat “ علموا ابناءكم.....”

<sup>3</sup> Rujuk Hadith Jibrail yang diriwayatkan oleh Saidina Umar bahawa “Ketika kami duduk bersama-sama Rasulullah ﷺ, lalu telah datang kepada kami seorang lelaki .....” hingga akhir hadith dalam Shohih Muslim.

Seorang doktor muslim mesti mempunyai **Iman** yang tidak bercampur syirik iaitu mengimani bahawa Allah semata-mata yang Maha Penyembuh, Maha Berkuasa Menghidup dan Mematikan, dan segala sesuatu yang berlaku itu adalah dengan keizinan dari Allah Pencipta Segala Kejadian. Kesembuhan atau kematian yang berlaku semuanya pada kekuasaan Allah dan para doktor hanyalah insan yang dikurniakan sedikit ilmu kepakaran oleh Allah untuk merawat. Sepertimana dalam hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Masood رضي الله عنه :

إِنَّ اللَّهَ لَمْ يُنَزِّلْ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً عَلِمَهُ مَنْ عَلِمَهُ وَجَهْلُهُ مِنْ جَهْلِهِ

*Sesungguhnya Allah tidak menurunkan penyakit melainkan diturunkan bersamanya (penyakit itu) penyembuhan (syifa') diketahui oleh sesiapa yang mengetahuinya dan tidak diketahui oleh sesiapa yang tidak diketahui*<sup>1</sup>

Manakala semua usaha untuk menyembuhkan itu hanyalah iktiar semata-mata dan tidak berkuasa menolak taqdir Allah ke atas hambaNya. Seorang doktor muslim juga mesti mengimani bahawa sebaik-baik teladan dan ikutan ialah Rasulullah صلى الله عليه وسلم dan syariat Islam yang dibawanya berpandukan Al-Quran dan Sunnah adalah sesempurna syariat untuk diikuti. Berpaling daripada syariatnya dan mencari teladan selain daripada Baginda hanya akan menemui kesesatan dan kehinaan.

Untuk itu setiap doktor muslim perlu mempelajari dan memahami **Islam** untuk memastikan segala amalnya selari dengan kehendak Allah. Bermula dengan kalimah syahadah hinggalah perkara-perkara yang menjadi fardhu ain bagi seorang muslim seperti thoharah, solat, dan zakat. Dan bagi doktor muslim memahami dan mengerti hukum-hukum berkaitan dengan tugasnya yang bersifat umum (**wajib diketahui oleh semua doktor**) seperti tidak berdua-duaan dengan pesakit yang bukan mahramnya dan yang bersifat khas (**wajib diketahui bagi mereka yang terlibat secara lansung**) seperti hukum melaksanakan pembedahan plastik bagi tujuan kecantikan bagi pakar bedah plastik. Begitu jua bagi seorang doktor muslim yang ingin membuka klinik maka wajib baginya mempelajari hukum berkaitan muamalat seperti hukum mengambil upah di atas rawatan. Tertib mempelajari semua hukum hakam itu pula adalah berdasarkan keutamaan syara'.<sup>2</sup>

Dan puncak kepada matlamat seorang doktor muslim itu ialah mencapai tahap **Ihsan** dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai hamba Allah dan seorang doktor. Doktor muslim tidak berebut pangkat dan nama, tidak mengharap pujian dan sanjungan, tidak mengimpikan kemewahan. Sebaliknya, jika dikurniakan segala kelebihan itu, maka itu pemberian dari Allah yang tidak kita berlumba-lumba untuk mendapatkannya dan tidak kita gusar jika hilang daripada tangan kita. Sesungguhnya kelebihan yang paling mulia bagi seorang hamba ialah mendapat keredhaan daripada Tuhannya.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Musnad Imam Ahmad

<sup>2</sup> Imam al-Ghazali dalam Ihya' nya antara ulama yang menjelaskan tertib keutamaan dalam mempelajari ilmu berdasarkan keutamaan syara'. Tertib keutamaan ini kemudiannya disimpulkan oleh ulama' terkemudian lalu diistilahkan dengan "Feqh Aulawiyah" atau Feqh berdasarkan keutamaan

<sup>3</sup> Kitab seperti "سفينة النجاة" dan "الرسالة الجامعة" (telah diterjemah) adalah amat baik untuk dipelajari kerana merangkumi segala usul dalam agama iaitu Iman, Islam dan Ihsan.

Dan perkara inilah yang membezakan doktor muslim yang ikhlas berkhidmat untuk ummatnya dengan doktor yang menjadikan perkerjaannya sebagai wasilah mendapat habuan dunia. Sesungguhnya golongan yang kedua adalah kaum yang membina kesenangan hidup di dunia di atas kesesengsaraan musibah dan kesusahan yang menimpa kaum yang lain.

### Hubungan antara Islam dan Perubatan.

Rasulullah ﷺ bersabda :

طَلِبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ<sup>1</sup>

Menuntut ilmu adalah wajib bagi setiap orang muslim

Imam Syafie رحمه الله berkata bahawa:<sup>2</sup>

الْعِلْمُ نَوْعَانِ : عِلْمُ فِقْهِ الْأَدْيَانِ وَعِلْمُ طَبِّ الْأَبْدَانِ

Ilmu itu ada dua jenis: Ilmu feqh agama (untuk kesejahteraan akhirat) dan Ilmu kesihatan badan (untuk kesejahteraan dunia).

Sebagian ulama berpendapat bahawa ilmu yang dimaksud dalam hadith itu ialah ilmu fardhu ain sahaja. Sebahagian yang lain berpendapat bahawa ilmu disitu ialah ilmu berkaitan agama. Dinukilkan daripada Syeikh Ali Jumaah<sup>3</sup> حفظه الله bahawa ilmu disitu adalah ilmu yang membawa kita mengenal Allah tidak kira samada ilmu itu berkaitan dengan agama secara langsung seperti ilmu tauhid dan syariah mahupun ilmu berkaitan alam seperti falak, kejuteraan dan perubatan. Islam tidak pernah menjuzukkan ilmu kepada ilmu agama dan bukan agama kerana segala ilmu yang benar itu datang dari Allah dan setiap ilmu yang benar itu pula membawa kita kepada Allah. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mengetahui Segala Sesuatu. Inilah hakikat ilmu yang difahami oleh para ulama' silam kita seperti Imam Syafie, Imam Ghazali dan lain-lain رحمه الله عليهم . Cuma pembahagian ilmu kepada fardhu ain dan fardhu kifayah atau ilmu syarie dan bukan syarie atau ilmu ukhrawi dan duniawi bukanlah suatu pembahagian yang *fasid* dan tidak berguna tetapi pembahagian itu diasaskan kepada pandangan dari sudut jenis ilmu itu sendiri. Namun begitu matlamat terakhir daripada tuntutan ilmu itu adalah mengenal Allah serta mengerti hakikat ubudiyah yang sebenarnya.

.....*اتما يخشى الله من عباده العلماء*<sup>4</sup>.....

*Demi sesungguhnya mereka yang takutkan Allah di kalangan hamba Ku ialah para ulama'*

Ayat ini menjadi dalil kepada hubungan antara ilmu dan perasaan takut terhadap Allah.

Seperti mana ilmu perubatan ini dibahagikan kepada anatomi, fisiologi, pathologi dan dan sebagainya. Namun ilmu perubatan itu tetap satu dan tidak boleh

<sup>1</sup> Diriwayatkan oleh Imam At-Thabarani, Al-Bazzar, Al-Baihaqi dan selain mereka. Berkata Imam Nawawi bahawa hadith ini biarpun tidak thabit (dari segi sanad) namun maknanya adalah shohih.

<sup>2</sup> مناقب الشافعي للإمام البيهقي

<sup>3</sup> Mufti Mesir dan pensyarah Usul Feqh di Universiti Azhar .

<sup>4</sup> Surah Al-Faathir ayat 26

dipisahkan antara satu sama lain. Sistem integrasi yang dilaksanakan disebahagian institusi membuktikan bahawa ilmu perubatan ini adalah satu. Matlamat akhir daripada segala ilmu itu ialah untuk pengubatan dan rawatan. Bagi seorang doktor yang tidak beriman dengan Allah, ilmu perubatannya hanya bermanfaat setelah menyempurnakan rawatan. Namun seorang doktor muslim akan menggunakan ilmu perubatannya untuk mengenal Allah dengan mengetahui hakikat penyembuhan sebenarnya adalah pada kekuasaan Allah.

Kita semua akan berdepan dengan realiti kehidupan seorang doktor kelak dan sehebat mana kepakaran seorang doktor, pasti jua akan keluar dari mulutnya “ we’ll wait after 6 hours”. Ucapan itu ialah tanda seorang doktor tiada upaya mengubah taqdir dan ilmu perubatan yang dipelajari olehnya selama bertahun-tahun bukan sahaja mengajar dia merawat tetapi dengan ilmu itu mengajar dia membenarkan dan mentahkikkan kalimat لا حَوْلَ قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَظِيمِ dalam dirinya melebihi orang tidak mempelajari perubatan.

قل هل يستوى الذين يعلمون والذين لا يعلمون<sup>1</sup>

*Adakah sama diantara mereka yang mengetahui dengan mereka yang tidak mengetahui*

Sesungguhnya ilmu perubatan yang kita pelajari adalah sebesar-besar petunjuk kepada kekuasaan Allah. Seorang pensyarah fisiologi di Cairo University mengajarkan kepada kami bahawa manusia majoriti memiliki darah jenis O dan minoriti memiliki darah jenis AB. Maka jika mengikut **hukum manusia**, maka manusia yang berdarah O adalah yang paling selamat kerana ramai orang boleh mendermakan darah yang sama. Namun katanya, **hukum Allah tidak begitu**, disebalik kelemahan bilangan manusia berdarah AB namun mereka masih boleh menjadi penerima darah A, B, dan O sendiri sedangkan manusia kumpulan O biarpun banyak namun hanya boleh menjadi penerima kepada kumpulan darah O sahaja. Maka dengan ilmu ‘blood grouping’ yang diketahui oleh semua pelajar perubatan dan doktor telah membawa kita untuk mengenal Allah itu Maha Adil, tidak akan menzalimi hambaNya cuma kita manusia yang tidak merenungkan kejadian pada diri mereka. Semoga ilmu perubatan yang kita pelajari menjadi alat kepada kita untuk mengenal erti ubudiyah yang sebenarnya dan kita berlindung dengan rahmat Allah supaya ilmu perubatan ini menjadi tidak hujah kepada kita di akhirat kelak.

Dua contoh (dari sudut makhluk yang lemah dan Pencipta yang Maha Berkuasa) yang didatangkan ini adalah antara bukti Islam itu ada pada ilmu perubatan itu sendiri namun kita semua tidak diasuh dengan manhaj rabbani dalam menuntut ilmu. Manhaj rabbani yang dimaksudkan ialah manhaj Qurani dan Nabawi yang ditempuhi oleh para ulama’-ulama’ kita (termasuk doktor-doktor Islam) iaitu tidak memisahkan dan menjujuk-jujuk kan ilmu. Kemunduran umat Islam dalam semua bidang adalah kerana kesilapan kita yang tidak mengimani sebaik-baik teladan kita ialah Rasulullah yang bukan sahaja meliputi manhaj dalam beribadah namun merangkumi manhaj yang diajar oleh baginda ﷺ dalam menuntut ilmu<sup>2</sup>. Ilmu Rasulullah ﷺ itu merangkumi segala segi malah sebagai umatnya kita mengimani bahawa baginda ﷺ adalah sebaik-baik doktor yang telah dikurniakan Allah mukjizat untuk merawat seperti dalam hadith dan diajarkan

<sup>1</sup> Surah Az-Zumar ayat 9

<sup>2</sup> Syaikh Abdul Fattah Abu Ghuddah telah mengarang sebuah kitab “الرسول معلم ﷺ و اساليبه في التعليم” yang menunjukkan bahawa Rasulullah adalah sesempurna guru di atas muka bumi ini .

kepadanya ilmu perubatan lalu dikumpulkan oleh para ulama untuk dibukukan menjadi kitab Tibb Nabawi.<sup>1</sup>

Ketahuilah bahawa ilmu perubatan tidak pernah memisahkan kita dengan ilmu agama (Islam) namun kita yang memisahkan diri kita daripadanya dan merasakan ilmu perubatan bukan jujuk yang membawa kita memahami hakikat Islam yang sebenar. Bahkan tidak sepatutnya keluar daripada mulut seorang pelajar perubatan bahawa “I’m a medical student not a syariah student”. Sesungguhnya segala gerak geri kita dipandu oleh syariah islamiah namun kita yang memisahkan diri daripada manhaj yang lengkap lagi sempurna ini. Sekiranya status seorang doktor (yang telah mengetahui ilmu-ilmu teras dalam perubatan) tidak menghalang kita mendalami pengkhususan dalam cabang ilmu perubatan, maka status seorang muslim (yang telah mengetahui ilmu-ilmu fardhu ain dalam agama) juga tidak menghalang kita daripada mendalami cabang-cabang ilmu islam seperti feqh, hadith, tafsir dan lain-lain. Namun semua itu berdasarkan tertib keutamaan.

Dan diantara cabang-cabang ilmu Islam itu ialah feqh atau lebih tepat diistilahkan sebagai ulum syariah islamiah kerana merangkumi beberapa cabang seperti ilmu usul feqh dan kaedah-kaedah feqhiah yang menjadi teras dalam memahami perbincangan-perbincangan tentang permasalahan feqh yang berkaitan dengan perubatan dalam siri program ini.

## **Bahagian Kedua**

### Pengenalan kepada syariah islamiah

**Syariah (الشريعة)** dari segi **bahasa** membawa dua makna iaitu jalan yang lurus dan saluran air yang dituju untuk mendapat minuman.

Dari segi **istilah** pula ialah hukum-hakam yang telah disyariatkan oleh Allah kepada hambaNya, lalu dinamakan hukum-hakam itu dengan **syariah**. Ini kerana hukum-hakam itu adalah lurus (benar), terbaik untuk dilaksana, dan tidak akan berlaku sebarang penyelewengan daripada kebenaran.<sup>2</sup>

Syariah islamiah adalah berbeza dengan undang-undang yang digubal oleh manusia dan dari beberapa aspek utama:<sup>3</sup>

- 1) Syariah Islamiah adalah sebahagian daripada agama dan mentaati syariah islamiah akan diberikan ganjaran pahala dan mengingkarinya pula akan dihitung sebagai dosa.
- 2) Syariah Islamiah bermatlamatkan kepada pembinaan akhlak manusia yang berkaitan dengan hati sementara matlamat undang-undang dunia hanya untuk mengawal masyarakat.
- 3) Pensyariatan dalam syariah Islamiah merangkumi dua aspek iaitu amar makruf dan nahi mungkar.
- 4) Pensyariatan dalam syariah islamiah mengambil kira aspek zahir dan batin.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Kitab Tibb Nabawi telah dikarang oleh ramai ulama (khususnya ulama hadith seperti Imam Suyuti) lalu dimuatkan dalam sunan mereka dan dikhususkan sebuah bab bertajuk Tibb Nabawi.

<sup>2</sup> المدخل الى دراسة المذاهب الفقهية للشيخ د. علي جمعة

<sup>3</sup> Ramai ulama yang membahaskan keistimewaan syariah islamiah diantaranya Syeikh Dr Yusuf Qardhawi (حجة الله البالغة) dan Syeikh Waliyullah Al-Dehlawi (مدخل لدراسة الشريعة الاسلامية).

Matlamat-matlamat syariah (مقاصد الشريعة) adalah untuk memelihara 5 perkara iaitu: <sup>2</sup>

- |                |            |            |
|----------------|------------|------------|
| (i) Agama      | (ii) Nyawa | (iii) Akal |
| (iv) Keturunan | (v) Harta  |            |

Dewasa kini, terdapat segelintir golongan yang menggelar diri mereka sebagai pemikir Islam menyalahgunakan 5 matlamat diatas ini dengan meletakkannya sebagai keutamaan dalam menetapkan sesuatu hukum sedangkan matlamat syariah ini berada di peringkat yang terakhir dalam kaedah menetapkan hukum setelah melalui beberapa peringkat seperti mana yang disebut oleh Syaikh Ali Jumaah dalam kitabnya<sup>3</sup>.

Sementara **feqh** pula dari segi **bahasa** bererti kefahaman .

Dari segi **istilah** pula membawa 2 makna iaitu :

- (1) **ilmu berkaitan hukum hakam syarie'** berkaitan perbuatan (perlakuan) dengan dalil-dalilnya.
- (2) **himpunan hukum-hakam** berkaitan perbuatan(perlakuan) yang disyariatkan dalam Islam.

**Topik perbahasan** dalam feqh ialah perlakuan mukallaf dari segi apakah yang telah ditetapkan baginya daripada hukum hakam syarie.

**Matlamat** mempelajari feqh ialah mengamalkan (التطبيق) hukum hakam syarie ke atas setiap perlakuan insan yang mukallaf .

**Hukum** mempelajari feqh berkaitan ibadah adalah **wajib** sementara bagi bab-bab feqh yang lain adalah **fardhu kifayah** namun **boleh menjadi wajib** apabila apabila terlibat secara langsung seperti seorang yang ingin membuka klinik, maka wajib baginya mempelajari asas-asas hukum dalam bab muamalat.

Namun begitu perlu difahami bahwa disana ada perbezaan di antara feqh dan syariah yang perlu difahami dan tidak dicampur adukkan meskipun kadang kala dua istilah ini saling digunakan pada makna yang sama<sup>4</sup>.

Dalam hal ini, secara ringkasnya<sup>5</sup> **syariah** ialah nas-nas yang diwahyukan dalam Quran dan Sunnah Rasulullah ﷺ maka syariah adalah terpelihara (maksud) dari sebarang penyelewengan. **Feqh** pula ialah pemahaman dan pelaksanaan terhadap nas-nas syariah berdasarkan ijtihad ulama yang barangkali ijtihadnya benar dan barangkali salah<sup>6</sup>. Dari sinilah lahirnya mazhab-mazhab feqhiah yang pelbagai namun **syariat itu tetap satu** dan tidak berubah<sup>7</sup>. Namun begitu tidak membawa maksud bahawa disana ada pemisahan mutlak antara syariah dan feqh. Oleh sebab itu kita dapati para fuqaha'

---

<sup>1</sup> Ini adalah ringkasan perbahasan tajuk syariah dalam kitab المدخل الى دراسة المذاهب الفقهية للشيخ د. علي جمعة

<sup>2</sup> Ini ialah tertib yang disusun oleh Imam Ghazali .

<sup>3</sup> Rujuk الطريق الى التراث الاسلامي للشيخ د. علي جمعة

<sup>4</sup> Syariah dan feqh digunakan pada makna yang sama jika yang dikehendaki dari feqh itu ialah istilah kedua.

<sup>5</sup> Rujuk المدخل الفقهي العام للشيخ مصطفى الزرقا

<sup>6</sup> Disinilah peranan ijma' dalam memelihara kefahaman terhadap nas-nas syariat.

<sup>7</sup> Kefahaman tentang perbezaan antara feqh dan syariah ini menjelaskan khilaf antara mazhab bukanlah mazmum (tercela) kerana khilaf lahir daripada perbezaan pemahaman terhadap nas dan bukannya perbezaan sumber nas.



menggunakan dua istilah ini pada makna yang sama. Maka **feqh islami**<sup>1</sup> itu terdiri dari 2 jenis hukum hakam yang berbeza pada dari segi asalnya iaitu:

- 1) Hukum yang **telah ditetapkan** oleh Allah seperti kefardhuan Solat , Puasa dan sebagainya berdasarkan nas-nas yang qatie.
- 2) Hukum yang **tidak dinyatakan** dalam Quran dan Sunnah yang dibiarkan untuk ulama berijtihad mengenai hukum perkara tersebut atau hukum yang **mempunyai nas namun masih tidak qatie**' dari aspek keshohihan nas atau dari aspek kesesuaian nas itu menjadi dalil .

Perbahasan mengenai permasalahan feqh berkaitan perubahan **umumnya** merangkumi perkara kedua yang melibatkan ijtihad dan pendapat daripada fuqaha'-fuqaha' mazhab berdasarkan kepada dua faktor yang disebutkan dalam perkara kedua.

Himpunan hukum-hukum feqh itu pula telah dikumpulkan dan diletakkan dalam beberapa kaedah yang diistilahkan sebagai **kaedah-kaedah feqhiah** dan menjadi suatu subjek khusus dalam ulum syariah yang dikenali dengan ilmu kaedah feqh. Secara asasnya merangkumi lima kaedah utama<sup>2</sup> :

- (i) الأُمُورُ بِمَقَاصِدِهَا (Setiap perkara mengikut tujuannya)
- (ii) الْيَقِينُ لَا يُزَالُ بِالشَّكِّ (Keyakinan tidak dapat dihilangkan dengan keraguan)
- (iii) الْمَشَقَّةُ تَجْلِبُ التَّيْسِيرَ (Kesukaran mendatangkan kemudahan)
- (iv) الضَّرَّارُ يُزَالُ (Kemudharatan dihilangkan)
- (v) الْعَادَةُ مُحْكَمَةٌ ( Adat yang diakui)

Diantara kepentingan mempelajari kaedah feqh ialah untuk **mengumpulkan permasalahan cabang feqh dibawah kaedah** tertentu supaya ringkas tanpa perlu menghafal semua permasalahan cabang. Namun begitu, seseorang penuntut ilmu yang tidak mempelajari feqh mazhab tertentu tidak akan mampu memahami permasalahan yang dikumpulkan dibawah kaedah-kaedah feqh yang lima di atas malah menjadi satu kemestian mempelajari semua bab dalam feqh agar tergambar olehnya permasalahan yang timbul.<sup>3</sup>

Perlu diketahui bahawa bagi setiap kaedah-kaedah diatas itu ada cabang-cabang dan pengecualiannya. Oleh itu kaedah feqhiah bukan dalil untuk menetapkan hukum secara mutlak. Namun begitu, jika kaedah feqhiah ini ada hubungan dengan dengan kaedah usul (akan dijelaskan) apabila dilihat dari sudut yang lain maka ianya boleh menjadi dalil<sup>4</sup> berdasarkan kaedah usul, bukan kaedah feqh.

**Usul feqh** pula ialah asas-asas (usul) dalam memahami dalil-dalil hukum syarie (feqh)<sup>5</sup> dan ini ialah takrif tarkibi (susunan) berdasarkan **bahasa**. Dari segi **istilah** ialah **kaedah-kaedah yang digunapakai** oleh seorang mujtahid untuk mengeluarkan (istinbat) hukum hakam syarie berkaitan perbuatan (perlakuan) dengan dalil-dalil syarie yang khusus.

**Topik perbahasan** usul feqh ialah dalil-dalil syarie yang umum (tidak membabitkan dalil yang khusus) dan hukum-hakam syarie yang umum. Ini berbeza dengan topik perbahasan feqh iaitu perlakuan mukallaf (seperti yang telah dijelaskan).

<sup>1</sup> Yang dimaksudkan disini ialah himpunan hukum hakam seperti takrif yang kedua.

<sup>2</sup> Ini merupakan asas bagi kaedah feqh mazhab Syafie namun menjadi teras dalam kaedah feqh islami.

<sup>3</sup> الدرر البهية في ايضاح القواعد الفقهية لشبيخا محمد نور الدين المكي

<sup>4</sup> القواعد الفقهية للشيخ علي الندوي

<sup>5</sup> الطريق الى التراث الاسلامي للشيخ د. علي جمعة

**Matlamat** mempelajari usul feqh pula bagi **bukan mujtahid** ialah:

- 1) Mengetahui cara-cara mengeluarkan hukum hakam syarie
- 2) Membuat perbandingan dengan pendapat-pendapat fuqaha' dan dalil-dalil mereka bagi *mentarjihkan* pendapat paling kuat.

Bagi seorang **mujtahid** pula ialah untuk mempratikkan segala kaedah-kaedah dalam usul feqh untuk mengeluarkan hukum daripada dalil-dalil syarie.<sup>1</sup>

**Hukum** mempelajari ilmu usul feqh ialah **fardhu kifayah**.

Seperti jua dalam feqh, maka usul feqh jua diringkaskan dan disimpulkan kepada beberapa kaedah yang diistilahkan sebagai **kaedah usul** yang digunapakai dalam topik perbahasan ilmu usul feqh ini tanpa ada pengecualian seperti kaedah feqhiah<sup>2</sup>.

Dalam perbincangan permasalahan feqh dalam perubatan, maka akan disebutkan beberapa kaedah usul dan feqh. Maka adalah diharapkan penjelasan ringkas di atas mampu memberikan gambaran yang lebih jelas untuk memahami perbahasan.

Selain itu, umumnya perbahasan yang akan dibincangkan **membabitkan hukum-hukum syarie** (haram, makruh, harus, wajib, sunat) dengan **dalil-dalil yang khusus** berdasarkan ijtihad ulama. Maka kita dapat simpulkan bahawa apa yang dibincangkan lebih **berkaitan feqh**<sup>3</sup> itu sendiri tanpa melihat kepada bagaimana usul hukum itu dikeluarkan. Tujuan dijelaskan disini ialah untuk menegaskan bahawa perbincangan permasalahan itu ialah mengetahui hukum sesuatu masalah (contohnya: hukum menggunakan najis dalam rawatan) untuk dipegang oleh kita sebagai muqallid dan bukan untuk ditarjihkan.

Dibawah pula ialah beberapa istilah yang digunakan bagi merujuk fuqaha' dalam empat mazhab yang diharuskan bertaqlid pada mereka khususnya pada masalah-masalah yang tiada dalam mazhab<sup>4</sup>:

Syafieyah (الشافعية) : fuqaha' mazhab Syafie

Ahnaf (الاحناف) : fuqaha' mazhab Hanafi

Malikiah (المالكية) : fuqaha' mazhab Maliki

Hanabilah (الحنابلة) : fuqaha' mazhab Hanbali

Dan istilah **jumhur (الجمهور)** digunakan pada **peringkat mazhab** seperti **jumhur malikiah** yang bererti kebanyakan fuqaha maliki tanpa melibatkan mazhab lain dan kadangkala digunakan secara mutlak seperti **jumhur ulama'**/fuqaha' yang melibatkan **semua mazhab**.

### Penutup

Sesungguhnya perbahasan tentang permasalahan feqh berkaitan dengan perubatan adalah sebenarnya **luar daripada kemampuan kita** sebagai pelajar perubatan untuk memahaminya dengan baik kerana kita semua tidak mempunyai ilmu alat yang cukup ke

---

<sup>1</sup> الوجيز في اصول الفقه للشيخ د. وهبة الزهيلي

<sup>2</sup> Ini antara perbezaan antara kaedah feqh dan kaedah usul.

<sup>3</sup> Rujuk topik perbahasan dan matlamat mempelajari feqh seperti di atas.

<sup>4</sup> Secara umumnya, mazhab Syafie dan Hanafi adalah dua mazhab yang paling terperinci dalam perbahasan masalah-masalah cabang feqh. Maka jarang sekali ada masalah yang tidak timbul melainkan ada hukumnya dalam mazhab kita.

arah itu. Malah mengetahui hukum berkaitan permasalahan itu telah merupakan suatu kelebihan bagi kita semua. Namun seperti mana yang dinukilkan daripada Syeikh Muhammad Nuruddin Al-Makki حفظه الله:

“Berapa banyak masalah yang tidak dapat difahami oleh penuntut ilmu pada awalnya, lalu dibukakan bagi Allah baginya ketika perbincangan dan pengajian kefahaman laduni tanpa dia sedari, lalu hadir pada fikirannya makna dan kehendak masalah.....”<sup>1</sup>

Rasulullah ﷺ bersabda dalam suatu hadith yang diriwayatkan oleh Muawiyah رضي الله عنه :

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ وَيُلْهِمْهُ رُشْدَهُ<sup>2</sup>

*Barangsiapa yang Allah mengkehendaki baginya kebaikan, maka akan diberikan padanya kefahaman (feqh) dalam agama dan diilhamkan baginya petunjukNya.*

Semoga dengan mengikuti perbincangan feqh yang akan datang merupakan sebab bagi kita semua untuk memperolehi kebaikan. Insya Allah.

اللهمَّ وَّقِنَا فِيمَا تَحَبَّبَ وَتَرْضَى وَافْتَحْ لَنَا فِتْوَحَ الْعَارِفِينَ وَاجْعَلْنَا مِنْ عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ  
وَزِدْنَا عِلْمًا وَارْزُقْنَا فَهْمًا وَاجْعَلْ هَذَا الْعَمَلَ مَخْلَصًا لَوَجْهِكَ الْكَرِيمِ  
وَصَلَّى عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ  
آمِينَ

Disediakan oleh:

الفقير ذو التقصير

Hidir Bin Hassan

Kaherah

راجعها و صححها

Al-fadhil Al-ustaz

Muhammad Afifi al-Akiti

نفعنا الله بعلمومه و جزاه الله خيرا جزاء

<sup>1</sup> الدرر البهية في ايضاح القواعد الفقهية لشيخنا محمد نور الدين المكي

<sup>2</sup> Diriwayatkan oleh Imam Bukhari, Muslim, Tirmizi, Ibn Majah dan Ahmad.